

14 MAY 2001

Nazri-Tambang

TAMBANG BAS SEKOLAH MUNGKIN DITETAPKAN UNTUK TEMPOH TERTENTU, KATA
NAZRI

KUALA LUMPUR, 14 Mei (Bernama) -- Kementerian Pembangunan Usahawan mungkin mencadangkan tambang bas sekolah ditetapkan untuk tempoh empat atau lima tahun sebelum dikaji semula untuk sebarang kenaikan.

Menteri berkenaan Datuk Seri Mohamed Nazri Abdul Aziz berkata Lembaga Pelesenan Kenderaan Perdagangan (LPKP) telah menyiapkan laporan awal mengenai cadangan itu dan telah mengemukakannya kepada kementerian yang berkenaan bagi mendapatkan maklumat balas dan pandangan.

"Kami belum memutuskannya tetapi ada kemungkinan ia akan dilaksanakan pada masa depan," katanya kepada pemberita selepas membacakan buku cerita untuk kanak-kanak cacat penglihatan di bangunan Persatuan Orang-orang Buta Malaysia di sini.

"Cadangan itu akan dibawa ke Kabinet selepas mendapat maklumat balas daripada pelbagai kementerian. Sebarang kenaikan tambang perlu diluluskan oleh kabinet," katanya ketika diminta mengulas memorandum Persekutuan Persatuan Pengusaha Bas Sekolah Malaysia kepada kementerian berkenaan baru-baru ini yang meminta tambang bas dinaikkan.

Persatuan itu meminta kenaikan tambang itu berikutan kos penyelenggaraan, petrol dan jenisnya yang didakwa semakin tinggi.

Pada masa ini tambang bas sekolah di kawasan bandar ialah RM16 bagi satu kilometer pertama dan RM1.20 bagi setiap kilometer tambahan.

Program membaca buku cerita, sesi biasa itu, adalah anjuran Biro Tindakan Awam Umno dan Puteri Umno. Yang turut hadir pada majlis itu ialah ketua penaja Putri Umno Azalina Othman Said.

Minggu lepas, Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad meluangkan masa daripada jadual sibuknya dengan membacakan buku cerita untuk kanak-kanak cacat penglihatan di bangunan berkenaan.

-- BERNAMA

SHS ZS LAT